

**S**ERAMAI 25 pegawai kehormat majlis badan-badan beruniform pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menyertai Kem Waja Diri siri pertama yang diadakan di Redang Mutiara Beach Resort, Pulau Redang, Terengganu baru-baru ini.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim berkata, program anjuran Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) itu bertujuan merapatkan hubungan di antara anggota badan beruniform yang baharu dilantik.

"Dengan wujudnya program ini, ia dapat memberi penekanan kepada peserta untuk mengurus dan mentadbir strategi pasukan beruniform masing-masing.

"Selain itu, peserta juga dapat meningkatkan daya kepimpinan dalam menyertai badan beruniform sepanjang menyertai program ini," katanya.

Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuklah *ice breaking*, pandu arah, jejak kawasan, *snorkeling*, masakan *survival*, *explorace*, latihan kawad kaki, *survival* malam, senaman pagi selain bermalam di khemah.

Sementara itu, salah seorang peserta, Rosliza Abdul Razak berkata, program ini dapat memberi satu pengalaman yang mencabar sepanjang aktiviti yang dijalankan.

"Paling menarik adalah aktiviti *survival* makanan yang dapat meningkatkan kerjasama antara ahli-kumpulan untuk menyediakan masakan dengan menggunakan kayu api.

"Selepas menyertai program ini, saya lebih yakin dan bersedia untuk menguruskan dan mentadbir badan beruniform di bawah pimpinan saya," katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula 24 hingga 26 April lalu itu turut disertai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Ikhwan Toriman dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar.

**SEBAHAGIAN daripada pegawai kanan dan kakitangan UniSZA yang menyertai Kem Waja Diri di Pulau Redang, Terengganu baru-baru ini.**



## UniSZA anjur kem waja diri

Tujuan meningkatkan kerjasama antara anggota badan beruniform yang baharu dilantik